

Kosmo
9/9/16
mls 11UNIT RUJUKAN DAN DOKUMEN
DITERIMA
09 SEP
U.P.
M.F.

Masalah jerebu belum ada penyelesaian

PADA Ogos lalu, jerebu sekali lagi melanda ruang udara negara kita dengan membawa asap tebal yang memedihkan mata. Bagaikan sudah menjadi kelaziman pula apabila masuk sahaja penghujung tahun, kita bukan sahaja berhadapan dengan banjir musim tengkujuh malah turut dilanda jerebu.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, asap tebal dan hitam akibat jerebu sering menghalang jarak penglihatan. Cuma dalam tempoh seminggu ini, kita boleh menarik nafas lega kerana hujan yang kerap turun telah menurunkan suhu persekitaran manakala bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) berada dalam keadaan baik.

Menyorot kembali kejadian jerebu yang berlaku pada penghujung Ogos lalu, ia didakwa berlaku disebabkan kebakaran hutan di Sumatera, Indonesia. Persoalannya, sampai bilakah keadaan ini akan berlarutan? Rakyat Malaysia dan juga Singapura pasti sudah muak dengan alasan serta cadangan langkah penyelesaian yang dijanjikan pihak terbabit.

Masalah jerebu turut mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak apabila beliau memuat naik status di laman sosial dan berjanji kerajaan akan terus memantau situasi tersebut serta mengambil tindakan sewajarnya.

Portal berita *AntaraNews.com* melaporkan, Menteri Alam Sekitar dan Perhutanan Indonesia, Dr. Siti Nurbaya Bakar baru-baru ini berkata, negaranya bekerja tanpa henti dan menangani kebakaran hutan dan meminta pihak luar supaya fokus kepada usaha Indone-



disenaraikan sebagai suspek kebakaran hutan namun kesemuanya dibebaskan kerana tiada bukti mencukupi bagi mendakwa syarikat terbabit.

Usaha kerajaan Indonesia itu sewajarnya dipuji kerana pemerhatian satelit sememangnya menunjukkan bilangan titik panas akibat kebakaran hutan

“Takkan sekali lagi kita mahu mendengar jawapan sinis kononnya Indonesia sudah beri 11 bulan udara bersih seperti yang dikeluarkan tahun lalu?”

telah berkurangan daripada 8,247 dari Januari hingga Ogos 2015 kepada 2,356 untuk tempoh sama tahun ini.

Bagaimanapun, penduduk Malaysia dan Singapura masih mengalami kualiti udara tidak sihat ekoran faktor angin. Takkan sekali lagi kita mahu mendengar jawapan sinis kononnya Indonesia sudah beri 11 bulan udara bersih seperti yang dikeluarkan tahun lalu?”

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar dalam reaksi beliau berkata, kerajaan Malaysia melarang pembakaran dilakukan oleh mana-mana pihak namun ia berbeza dengan kerajaan Indonesia yang masih membenarkan aktiviti pembakaran di atas tanah seluas kurang 0.8 hektar.

Dalam kenyataan akhbarnya, Wan Junaidi memaklumkan beliau telah mengutus surat kepada Menteri Alam Sekitar dan Kehutanan Indonesia pada 22 Ogos lalu untuk melahirkan kebimbangan Malaysia tentang isu jerebu rentas sempadan tersebut.

“Melalui surat tersebut, gesaan juga telah dibuat supaya kerajaan Indonesia mempertingkatkan tindakan pencegahan dan

pemadaman kebakaran supaya pencemaran jerebu yang berlaku kini dapat dihentikan segera,” katanya.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia, Prof. Ahmad Ainuddin Nuruddin berkata, kejadian jerebu berlaku disebabkan pembakaran bahan api yang terdiri daripada kayu, daun, pokok renek dan tanah gambut yang menyebabkan partikel kecil berterbangan ke atmosfera.

Beliau yang merupakan pakar dalam bidang mikroiklim hutan dan kebakaran hutan menambah, partikel tersebut akan menghalang cahaya matahari yang akan menyebabkan berkurangnya jarak penglihatan.

“Ia berlaku apabila bahan api tersebut menjadi kering disebabkan kurang hujan menyebabkan ia senang terbakar.

“Angin juga memainkan peranan penting dalam mengangkut partikel tersebut dari tempat kebakaran ke tempat populasi yang tinggi. Pada musim Monsun Barat Laut, angin dari arah barat laut mengangkut partikel kebakaran di Sumatera ke Semenanjung Malaysia,” katanya.

Menurut Ahmad Ainuddin lagi, jerebu juga berlaku apabila terjadinya kebakaran di kawasan yang luas atau berlaku banyak kebakaran pada satu masa. Ia juga bergantung kepada jumlah bahan api yang terdapat di kawasan yang terbakar.

“Lebih banyak bahan api yang terbakar, lebih banyak partikel yang akan dihasilkan maka bertambah teruklah jerebu.

“Jadi, saya nasihatkan orang awam dan juga pemilik ladang agar tidak melakukan pembakaran pada musim kering kerana risiko kebakaran adalah lebih tinggi selain boleh menyebabkan masalah jerebu,” ujarnya.

sia dan bukan mengkritiknya.

Menurut Siti Nurbaya, kementerianannya telah mengambil pelbagai pendekatan untuk menangani kebakaran hutan termasuk melaksanakan sekatan pentadbiran dan undang-undang sivil. Keberkesanan usaha itu didakwa terbukti berdasarkan penurunan kadar asap jerebu dan kebakaran hutan pada tahun ini berbanding 2015.

Pada 25 Ogos lalu, Ketua Agensi Siasatan Jenayah Indonesia, Ari Dono Sukmanto berkata, pihaknya menahan 85 suspek yang membakar hutan di Riau sepanjang tahun ini. Menurut beliau, sebanyak sembilan syarikat disiasat atas penglibatan kebakaran hutan.

Tahun lalu pula kata beliau, 15 syarikat hutan dan perladangan